

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. DATUK MAS ERMIEYANTI BINTI SAMSUDIN**

**KAWASAN : MASJID TANAH**

**NO. SOALAN : 98**

YB DATUK MAS ERMIEYANTI BINTI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah melakukan kajian impak TPPA ke atas perolehan Kerajaan dan badan berkanun Kerajaan apabila TPPA dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan kini sedang menjalankan dua kajian untuk menilai impak TPPA. Kajian pertama dijalankan oleh *Institute of Strategic and International Studies* Kajian berhubung aspek Kepentingan Negara, manakala *Price Waterhouse Coopers* menjalankan kajian Kos Faedah TPPA secara keseluruhan. Skop kajian meliputi 4 aspek utama, iaitu:

- 1) Kedaulatan negara dan ruang dasar negara;

- 2) Impak ke atas Bumiputera;
- 3) Impak ke atas Industri Kecil Sederhana tempatan; dan
- 4) Apa sekiranya Malaysia tidak berada dalam TPP?

Kajian ini dijangka dapat diselesaikan dalam masa yang singkat selepas tamat rundingan. Seperti mana yang telah diumumkan, Kerajaan akan turut membentangkan hasil-hasil rundingan yang muktamad bersama-sama hasil kedua kajian tersebut yang lengkap di Parlimen nanti.

Berhubung kajian impak TPPA ke atas perolehan Kerajaan dan badan berkanun Kerajaan apabila TPPA dilaksanakan, adalah dimaklumkan bahawa sebelum sesuatu tawaran dibuat sewaktu rundingan bagi perolehan Kerajaan, termasuk untuk badan berkanun Kerajaan, semua aspek dikaji agar kesan kepada dasar Kerajaan, terutama dasar Bumiputera, dan kesan ke atas industri, terutama industri kecil dan sederhana dapat diminimumkan. Disamping itu, proses konsultasi bersama pihak yang terlibat juga diadakan bagi tujuan mendapat pandangan dan maklumbalas sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Tuan Yang Di Pertua,

Pendekatan Malaysia dalam rundingan perolehan Kerajaan adalah untuk mendapatkan pengecualian atau ‘carve-out’ bagi membolehkan dasar-dasar yang penting dan sensitif dikecualikan daripada obligasi-obligasi TPPA serta tempoh transisi (peralihan) yang lebih panjang supaya syarikat tempatan lebih bersedia dalam menghadapi cabaran TPPA nanti. Di samping itu, dalam dasar perolehan projek kerajaan, pasukan perunding juga merundingkan supaya nilai *threshold* yang tinggi sebelum sesuatu projek perolehan kerajaan boleh membenarkan

penyertaan syarikat asing daripada sebelas negara TPP sahaja. Had *threshold* yang diputuskan dalam tawaran tender perolehan kerajaan Malaysia (contohnya, nilai tawaran yang akan dibuka untuk bidaan syarikat dari anggota TPPA) masih dirundingkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Walaupun Kerajaan telah mengambil langkah konservatif dalam rundingan perolehan Kerajaan, izinkan saya menarik perhatian Ahli-ahli Dewan bahawa sebagai sebuah FTA, TPPA juga dijangka akan membuka peluang-peluang perniagaan dalam pasaran perolehan Kerajaan di semua sebelas negara TPPA kepada syarikat-syarikat tempatan Malaysia. Pada masa ini, memandangkan Malaysia bukan ahli Perjanjian Perolehan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), syarikat-syarikat Malaysia tidak berpeluang menyertai perolehan kerajaan di negara-negara yang menganggotai Perjanjian Perolehan di bawah WTO.

Kerajaan melihat keupayaan dan kompetensi syarikat-syarikat tempatan di peringkat antarabangsa telah terbukti diterima dan diiktiraf. Terdapat banyak syarikat Malaysia kini telah berjaya menyertai projek-projek gergasi di luar negara. Sebagai contoh, Tenaga Nasional Berhad telah diberi kontrak penyelenggaraan di Kementerian Air dan Tenaga, Kuwait yang bernilai RM1 billion pada tahun 2013 dan Syarikat Sime Darby pula telah memperolehi kontrak untuk membekalkan '*prime mover tractor*', dengan izin, di terminal pelabuhan Singapura bernilai RM80 juta.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan akan sentiasa mempertimbang dan menilai faedah yang akan diperoleh oleh negara secara keseluruhannya melalui penyertaan Malaysia dalam TPPA dengan mengekalkan dasar-dasar Kerajaan. Kerajaan percaya peningkatan ekonomi hendaklah dijana atas persaingan ekonomi yang sihat. TPPA juga menekankan elemen-elemen tadbir urus baik dalam kesemua bab yang dirundingkan. Justeru, di dalam proses Perolehan Kerajaan yang telus dan mengikut prosedur, pemilihan pembida akan dijalankan tanpa faktor pilih kasih memandangkan aspek-aspek ketelusan perlu digunapakai. Di samping itu, pemilihan pembida (daripada syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa) yang benar-benar berkelayakan serta berupaya menjalankan perkhidmatan dengan kos yang paling kompetitif dan berkualiti. Dalam hal ini, secara amnya kemungkinan besar akan terdapat manfaat penjimatan perbelanjaan Kerajaan.

Liberalisasi pasaran wajar dilihat secara seimbang dan rasional, iaitu, ia bukan sahaja mengundang persaingan, tetapi membawa manfaat-manfaat lain khususnya pembukaan pasaran-pasaran baharu bagi pengeksport barang dan perkhidmatan di Malaysia.